



## PENGHUJAHAN RASIONAL GAH: SATU ANALISIS

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Islamic Sciences University of Malaysia (USIM),  
mustaqim@usim.edu.my

### Abstrak

*Penolakan terhadap hadis Nabi SAW oleh golongan tertentu di Malaysia merupakan suatu masalah serius yang perlu ditangani oleh semua kalangan masyarakat Islam di negara ini. Dakwaan-dakwaan yang dilakukan oleh GAH atau Golongan Anti Hadis mengenai percanggahan yang wujud antara hadis dan al-Quran selain isu kesahannya sebagai sumber hukum dalam agama sering dikemukakan dalam bentuk penghujahan dan bukti yang dikatakan sebagai rasional, logik, ilmiah dan seumpamanya. Sekiranya dibiarkan, perkara ini boleh memberikan impak yang besar terhadap kesucian agama ini dan metodologi ilmiah yang digunakan dalam tradisi keilmuan Islam. Justeru, makalah ini terfokus untuk menganalisis isu berkaitan penghujahan secara rasional yang digunakan oleh GAH dari perspektif Islam. Perbincangan merangkumi aspek-aspek berkaitan kedudukan dan peranan akal dalam kerangka keilmuan Islam serta metodologi dan penghujahan GAH dalam menolak hadis secara rasional berserta contoh-contoh yang relevan. Hasilnya, beberapa cadangan diutarakan dalam usaha untuk memahami dan menangkis penghujahan GAH berdasarkan pendekatan rasional dan logik akal.*

**Kata kunci:** *Golongan Anti Hadis, Penghujahan, Rasional, Malaysia*

### (RATIONAL ARGUMENTS OF GAH:AN ANALYSIS)

### Abstract

*The rejection of Prophet Muhammad's traditions by certain groups in Malaysia is a serious problem that must be addressed by all the Muslim community in this country. The allegations made by the Group of Anti Hadith (GAH) according to the conflict that exists between the Hadith and Quran in addition to the issue of its validity as a source of law in religion often presented in the form of arguments and evidence which is said to be rational, logical, scientific, and etc. If left unchecked, this could be a big blow to the sanctity of religions and the scientific methodology used in traditional Islamic scholarship. Therefore, this paper focuses on analyzing issues related to rational argumentation used by GAH from an Islamic perspective. The discussion covers related aspects*

*of the position and role of the mind in the framework of Islamic scholarship and methodology of GAH in rejecting Hadith rationally with relevant examples. As a result, some of the suggestions put forward in the effort to understand and counter the arguments of GAH based on rational and logical approach.*

**Keywords:** *Group of Anti Hadith, argument, rational, Malaysia*

Received: January 16, 2016

Accepted: August 21, 2016

Online Published: December 30, 2016

## 1. Pendahuluan

Dari aspek etimologi, perkataan Inggeris *rational* adalah berpunca daripada perkataan Latin *ratio* yang bermaksud akal (*reason*). Pemikiran secara rasional bermaksud berfikir, menaakul dan membuat pertimbangan menggunakan akal dan logik berbanding emosi (*Oxford Dictionaries*, 2016). Ia merupakan salah satu kaedah pemikiran saintifik yang sering digunakan untuk penghasilan ilmu dan pandangan berteraskan kepada pertalian yang logik dan sistematik antara fakta, bukti dan idea dalam sesuatu isu tanpa berpandukan kepada perasaan dan emosi.

Penghujahan yang terhasil secara rasional ini dilihat sebagai lebih ampuh, kukuh dan kritis berbanding dengan kaedah lain yang berbentuk popular, apologetik dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, pemikiran secara rasional juga bergantung kepada kerangka pemikiran dan pendekatan yang digunakan oleh seseorang yang memberikan impaknya terhadap dapatan dan rumusan yang dihasilkan. Lebih-lebih lagi sekiranya pendekatan yang digunakan tersebut bercanggah atau tidak selari dengan kaedah yang diterima pakai dalam sesuatu tradisi keilmuan yang khusus seumpama pengajian Islam, maka impaknya akan lebih ketara dan boleh menimbulkan kontroversi.

Secara khasnya, isu mengenai ‘percanggahan’ antara hadis dan perspektif kehidupan semasa pada zaman moden ini yang dicanangkan oleh pihak-pihak tertentu dan membawa kepada penolakannya sebagai sumber yang sah dalam Islam selepas al-Quran adalah sesuatu yang amat serius dan perlu ditangani dengan sewajarnya. Ini kerana, penghujahan secara rasional yang ditonjolkan oleh golongan yang menolak hadis kelihatan amat kukuh dan efektif dalam memberikan ilusi kepincangan hadis kepada masyarakat umum sedangkan realitinya tidaklah sedemikian.

Oleh yang demikian, dalam makalah ini, fokus utama perbincangan adalah sekitar penghujahan secara rasional dalam menangani G.A.H. atau Golongan Anti Hadis. Pada masa yang sama, aspek-aspek berkaitan kedudukan dan peranan akal dalam kerangka pemikiran dan keilmuan Islam, metodologi dan penghujahan G.A.H. dalam menolak hadis secara rasional turut dimuatkan berserta contoh-contoh yang berkaitan. Hal ini adalah penting untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh dalam usaha untuk menggariskan beberapa cadangan yang boleh diaplikasikan dalam memahami dan menangkis penghujahan G.A.H. berdasarkan pendekatan rasional dan logik akal.

## 2. Islam dan Penghujahan Secara Rasional

Agama Islam terbina di atas dua sumber wahyu iaitu al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Kedua-duanya membentuk dasar kerangka pemikiran dan pandangan alam (*worldview*) yang mempengaruhi segenap aspek kehidupan merentasi akidah dan kepercayaan, syariat, akhlak dan sebagainya. Sebagai makhluk yang dibebani tanggungjawab sebagai khalifah di bumi, manusia dikurniakan akal fikiran sebagai instrumen utama penghasilan ilmu. Bahkan, kebolehan manusia menggunakan akalnyanya untuk berfikir secara waras dan berlandaskan ilmu dan logik yang dimanifestasikan menerusi penggunaan bahasa dan susunan ayat (*nutq*) menjadi salah satu ciri utama yang membezakannya dengan makhluk yang lain (al-Isfahani, t.th.: 496-497).

Justeru, akal fikiran yang waras menjadi antara faktor utama sahnya pertanggungjawaban (*taklif*) oleh Allah SWT kepada manusia seperti yang dinyatakan dalam hadis sahih riwayat al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim daripada Nabi SAW mafhumnya: “Diangkat pena (*taklif*) dari tiga jenis manusia iaitu daripada orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada kanak-kanak sehingga ia dewasa, dan daripada orang yang tidak siuman sehingga ia mendapatkan semula kewarasan akalnyanya” (al-Albani, 1988: 1:659).

Ia juga merupakan salah satu wasilah perolehan ilmu mengikut kerangka epistemologi Islam. Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang mencela dan menjanjikan azab seksaan kepada orang yang tidak menggunakan rasional akalnyanya dalam memerhatikan bukti kebenaran Allah SWT yang dibawa oleh para rasul (al-Isfahani, t.th.).

Dalam risalahnya mengenai akidah, ‘Umar Najm al-Din al-Nasafi (m. 537H), salah seorang ulama kalam mazhab al-Maturidi, telah menjelaskan sumber-sumber ilmu pengetahuan sebagai mukadimah penting yang harus difahami dan dipelajari oleh setiap Muslim yang ingin mendalami ilmu akidah. Perkara ini adalah penting bagi memastikan kejelasan ilmu akidah yang dipelajari supaya dapat diletakkan pada tempat dan kedudukannya yang sesuai dalam kerangka ontologi dan epistemologi Islam. Juga bagi mengelakkan daripada berlakunya kerancuan dalam pemikiran dan percanggahan dalam metodologi.

Menurut beliau, sumber utama ilmu terbahagi kepada tiga jenis iaitu pancaindera yang lima, khabar yang benar (*sadiq*) dan akal. Pancaindera yang lima ialah penglihatan, pendengaran, sentuhan, percakapan dan bau. Khabar yang benar pula terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- i. Mutawatir yang mewajibkan ilmu secara pasti (*daruri*); dan
- ii. khabar daripada Rasulullah SAW yang disokong oleh mukjizat untuk menunjukkan kebenaran baginda yang sabit menerusi dalil atau pembuktian (*istidlali*).

Kedua-duanya mewajibkan ilmu secara yakin. Akal pula terbahagi kepada:

- i. *Badihi* (yang sabit secara nyata dan pasti atau *daruri*) seperti satu itu separuh daripada dua; dan
- ii. *iktisabi* (yang sabit secara pembuktian atau *istidlali*) seperti baharunya alam ini disebabkan perubahan yang berlaku padanya.

Selain itu, ilmu juga wujud dalam bentuk *tasawwur* iaitu gambaran atau deskripsi dan *tasdiq* iaitu tasdik atau pemberian hukum terhadap sesuatu sama ada daripada syarak, adat mahupun akal. Hukum syarak memberikan implikasi hukum dan sah batal sesuatu perkara, manakala hukum adat berkaitan dengan sebab dan akibat, sedangkan hukum akal pula mengisbatkan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara. Hukum akal juga terbahagi kepada wajib, mustahil atau harus bergantung pada keperluan dan keadaan sesuatu perkara (al-Attas, 1988: 101-105; Daud al-Fatani, t.th.: 6-7).

Tahap kebergantungan dan interaksi antara sumber-sumber ilmu tersebut dalam mengisbatkan sesuatu aspek agama menjadi ciri metodologi seseorang ilmuwan atau aliran pemikiran yang akhirnya melahirkan variasi dan perbezaan dalam faham dan pandangan yang dibawa. Kecenderungan untuk melebihkan peranan logik akal mengatasi wahyu seperti yang dipelopori oleh Muktaizilah dan seumpamanya menjadi ciri utama yang memisahkannya dengan faham Ahli Sunnah wal Jamaah yang mementingkan peranan wahyu sebagai sumber utama ilmu dan pengetahuan.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa kerangka pemikiran dan keilmuan Islam adalah berteraskan kepada dinamisme hubungan dan interaksi antara sumber-sumber utama ilmu yang sah dalam Islam. Ilmu yang mutawatir (al-Quran dan hadis mutawatir) serta khabar yang benar menjadi sumber utama kebenaran yang membawa kepada keyakinan sama ada yang berkaitan perkara zahir mahupun yang ghaib. Sedangkan sumber-sumber lain yang berdasarkan pancaindera dan akal tidak kurang pentingnya dalam meneliti dan mengesahkan tanda-tanda Allah SWT sama ada dalam bentuk *ayat al-kawn* ataupun *ayat al-matluww* dalam kerangka wahyu Ilahi.

Justeru, kesemua bidang ilmu Islam sama ada akidah, *usul al-fiqh*, *fiqh*, tafsir, *'ulum al-Quran*, hadis, *'ulum al-hadith*, tasawuf dan sebagainya berlandaskan kepada kerangka epistemologi yang dinyatakan ini. Ia sebagai asas yang terhasil daripadanya pelbagai pendekatan, prinsip dan metodologi yang diformulasikan oleh para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah berteraskan pemahaman dan pentafsiran terhadap sumber-sumber tersebut. Prinsip-prinsip yang terbina juga menzahirkan pengakuan dan pengiktirafan yang harmonis mengenai hubungan dan duduk letak sesuatu sumber dengan yang lain sehingga tidak menimbulkan sebarang percanggahan serta kekeliruan.

Aspek penting lain yang melibatkan skop dan peranan akal serta sejauh mana ia dapat menjadi sumber agama (*al-tahsin wa al-taqbih*) turut dijelaskan dan diperincikan oleh para ulama dalam perbincangan ilmu Islam termasuk *usul al-fiqh*. Justeru, dapat disimpulkan bahawa Islam, sebagai agama fitrah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia bukan sahaja mengiktiraf dan memberikan akal akan peranannya dalam kehidupan, bahkan turut menjadikannya sebab taklif yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Sebagai contoh, kedudukan dan peranan hadis Nabi SAW sebagai sumber agama sama ada dalam konteks menjelaskan makna al-Quran mahupun memperkenalkan hukum yang tidak dinyatakan dalamnya diakui dan diberikan tempatnya yang bersesuaian dalam konteks penghasilan hukum syariat (*usul al-fiqh*), pembentukan akidah umat, pentafsiran makna-makna al-Quran dan sebagainya selagi mana ia diakui sebagai sah, benar dan boleh dipercayai. Justeru, peranan ilmu *mustalah al-hadith* dalam konteks ini amatlah signifikan sebagai neraca kebolehpercayaan sesebuah periwayatan yang berteraskan kepada prinsip-prinsip daripada al-Quran, sunnah Nabi SAW dan amalan para ulama salaf.

Dalam hal ini, peranan al-Shafi'i (m. 204 H) dalam *al-Risalah*, bukanlah sebagai orang pertama yang mengada-adakan peranan hadis dalam kerangka pemikiran agama seperti yang sering didakwa oleh G.A.H. dan yang seangkatan dengannya (Duderija, 2012). Bahkan ia tidak lain hanya menzahirkan pertalian dan hubungan antara sumber-sumber agama tersebut yang sudah pun wujud dan diamalkan sejak daripada zaman Nabi SAW, para Sahabat dan Tabiin dalam bentuk karya penulisan seiring dengan fasa penulisan ilmu ketika itu. Oleh sebab itulah penulisan al-Shafi'i diterima dengan baik oleh para ulama tanpa sebarang bantahan.

Ringkasnya, Islam mengakui dan memberikan akal tempatnya yang bersesuaian dalam kerangka pemikiran dan epistemologinya. Bahkan, *al-'aql al-salim* atau akal yang sejahtera amatlah digalakkan dalam Islam sebagai wasilah utama pencapaian ilmu. Ia bukan sahaja tidak bercanggah dengan sumber wahyu, bahkan mampu untuk menghubungkaitkan secara saksama dan sebenarnya pertalian antara sesuatu sumber dengan yang lain dalam pelbagai bidang keilmuan Islam (Wan Mohd Nor, 1998: 115-117).

Sebaliknya, mana-mana ideologi, metodologi dan bidang ilmu yang bersumberkan daripada tradisi keilmuan yang bukan Islam pula hanya dapat diterima selagi ia tidak bercanggah dengan kerangka pemikiran, metodologi dan *maqasid* agama Islam seperti yang diamalkan oleh Ahl al-Sunnah wal Jamaah. Pemahaman yang jitu terhadap konsep inilah yang menyebabkan Abu Hamid al-Ghazzali (m. 505H), mengkritik dan menolak penerimaan beberapa aspek ilmu falsafah Yunani lantaran implikasi dan kesannya terhadap pandangan alam Islam (al-Ghazzali, t.th.: 1:28-29).

### 3. GAH dan Penghujahan Secara Rasional

Terdapat pelbagai bentuk penolakan terhadap hadis Nabi SAW yang dapat dikesan sepanjang sejarah Islam. Setengah daripadanya menolak penerimaan hadis secara mutlak manakala yang selebihnya hanya menolak jenis-jenis hadis tertentu sahaja. Pelbagai alasan diberikan oleh golongan yang menolak hadis. Ada antaranya yang mendakwa wujudnya percanggahan antara hadis dan al-Quran, akal, fakta ilmiah atau ideologi masa kini. Malah tidak kurang juga yang menolak hadis-hadis tertentu kerana dirasakan tidak logik atau rasional untuk diterima sebagai dalil di samping pelbagai macam alasan lain.

Selain itu, profil dan orientasi mereka yang menolak hadis juga adalah pelbagai. Ada yang bergerak secara individu dan ada pula yang berkumpulan. Demikian juga, ada yang berorientasikan faham klasikal seperti Muktazilah atau ajaran yang dikategorikan sebagai sesat. Ada pula yang bergerak atas nama aliran pemikiran moden, liberalis, Muslim progresif, rasionalis dan sebagainya. Di Malaysia, GAH juga berkembang dan berusaha mempengaruhi pemikiran masyarakat menerusi tokoh tertentu seperti Kassim Ahmad dan organisasi yang memperjuangkan aliran liberalisme dan rasionalisme dalam agama (Harussani, 2014).

Secara amnya, pendekatan secara rasional sering digunakan oleh GAH dalam menonjolkan 'percanggahan' dan 'kepincangan' dalam penghujahan menggunakan hadis Nabi SAW lalu memberikan implikasi terhadap penolakannya. Dengan kata lain, kepincangan yang dibuktikan secara rasional menyebabkan penghujahan dengan hadis Nabi SAW tertolak dengan sendirinya.

Dakwaan-dakwaannya yang dilakukan dikukuhkan dengan petikan-petikan tertentu daripada al-Quran dan sumber-sumber ilmiah Islam dan

Barat. Ia dikupas secara ‘rasional’ sehingga memberikan implikasi yang sangat mengesankan pembaca seolah-olah hadis berlawanan dengan akal atau cara hidup manusia moden dan perlu ditolak. Kaedah yang ditonjolkan ini amat efektif dalam mempengaruhi logik pemikiran masyarakat umum yang cetek dalam pengetahuan agama. Walaupun pada hakikatnya, hujah yang dikemukakan sebenarnya adalah pincang dan berdasarkan taakulan yang salah.

Sebenarnya, kebanyakan hujah yang diutarakan oleh GAH pada hari ini adalah bersumberkan kepada penulisan para Orientalis Barat yang gigih berusaha untuk menzahirkan kepincangan dan kelemahan sumber dan metodologi yang digunakan oleh umat Islam sejak zaman berzaman. Dalam konteks hadis misalnya, nama-nama seperti Ignac Goldziher, Joseph Schacht, Juynboll dan seumpamanya memang tersohor mempertikaikan keaslian dan autoriti hadis. Ia menjadi asas perbincangan yang membuka jalan untuk mempertikaikan autoriti dan kebolehpercayaan hadis.

Pada masa yang sama, wacana penolakan hadis turut mendapat momentumnya menjelang akhir abad ke-20 menerusi kemunculan sejumlah sarjana beragama Islam yang mengadaptasikan paradigma dan metode pemikiran sekular Barat terhadap sumber-sumber agama seperti al-Quran dan hadis. Mereka seolah-olahnya menyalahkan kemunduran umat Islam pada zaman moden ini sebagai berpunca daripada pegangan terhadap tafsiran-tafsiran yang kuno dan lapuk terhadap al-Quran. Selain itu adalah percampuran yang berleluasa antara wahyu Ilahi dan tradisi masyarakat serta amalan khurafat yang diwarisi dan ditonjolkan sebagai ajaran agama.

Justeru, mereka merasa bertanggungjawab untuk “menyucikan” Islam daripada tradisi-tradisi dan pentafsiran yang “dipaksakan” tersebut menerusi penerapan kerangka pemikiran sekular Barat yang menolak agama dan kewujudan Tuhan. Sebaliknya, ia berpaksikan manusia dan hawa nafsu sebagai teras kepercayaan mereka seumpama faham Humanisme, Emperisisme, Positivisme dan lain-lain.

Demikian juga, metodologi ilmiah Barat dalam bidang falsafah, sejarah, kajian teks, sosiologi, antropologi, sains politik dan sebagainya (yang terhasil daripada paradigma pemikiran yang sekular tersebut) turut dipegang sepenuhnya tanpa banyak soal. Pendekatan sosiologi, antropologi, kritikan sastera, sejarah dan falsafah seumpama *historicism*, *reductionism*, *hermeneutics*, *biblical criticism*, *scepticism*, *deconstructionism* dan sebagainya bermain-main di bibir dan sanubari mereka. Ia telah menggantikan prinsip dan metodologi yang dibangunkan umat Islam seperti *‘ulum al-Quran*, *mustalah al-hadith*, *usul al-fiqh* dan seumpamanya yang digambarkan sebagai subjektif, selektif, ketinggalan zaman dan pincang (Rahimin et al., 2011).

Tokoh ilmuwan Islam terutamanya yang berperanan besar dalam pemikiran dan metodologi agama menjadi fokus kajian kritis dan kritikan yang berterusan untuk menjatuhkan kredibiliti ilmiah mereka. Ini termasuk para Sahabat, Tabiin dan imam mujtahid seperti Abu Hurairah, al-Shafi‘i, al-Zuhri, al-Bukhari dan sebagainya. Sebaliknya, tokoh pemikir Barat diangkat dan disanjung melangit sebagai model ikutan secara bulat-bulat.

Apa yang lebih penting, pendekatan ilmiah yang dipilih ini bukan sahaja dirasakan sebagai rasional, saintifik dan objektif. Bahkan mereka yakin ia mampu untuk mendekat dan mengharmonikan pandangan agama Islam dengan agama lain dalam konteks kehidupan pada hari ini. Seterusnya

mbolehkan penerimaan Islam dan asimilasi yang lebih akrab dan mesra antara orang Islam dan masyarakat Barat moden.

Hasil daripada percubaan dan penerapan ilmiah tersebut ialah kemunculan sejumlah tokoh yang ultra kritis terhadap Islam yang “tradisional”. Jenis Islam yang ditonjolkan sebagai tidak relevan lagi berbanding pentafsiran baharu yang lebih egalitarian, mesra paradigma ilmu dan norma kehidupan Barat. Oleh itu, proses menganalisis mafhum al-Quran secara kritis telah bertukar menjadi kritikan al-Quran. Kajian kriteria penerimaan hadis pula diubah menjadi penolakan hadis dan seumpamanya.

Antara nama-nama pelopor gerakan ini termasuklah Rashad Khalifa, Mohammed Arkoun, Nasr Abu Zayd, Muhammad Shahrur, Amina Wadud, Asma Barlas, Edip Yuksel, Ulil Abshar Abdalla, dan sebagainya. Idea dan bentuk pentafsiran semula mereka terhadap Islam dengan mudahnya diterima dan diuar-uarkan sebagai teori atau pendekatan ilmiah yang menjadi model kepada pemodenan Islam di abad ke-21 ini. Teori-teori berkaitan hadis seperti Sunnah sebagai tradisi hidup (*living tradition*), pengaruh asing terhadap al-Quran, perspektif masa dan ruang dalam Islam, sanad sebagai satu bentuk projeksi ke belakang (*backward projection*) dan sebagainya diketengahkan. Ia menjadi asas dalam memperjuangkan isu-isu semasa tentang kesamarataan jantina, hak asasi manusia, kebebasan, keganasan, pluralisme agama dan sebagainya.

Dalam konteks makalah ini, hanya beberapa sampel penghujahan secara rasional oleh GAH mengenai penolakan hadis akan dibincangkan sebagai refleksi terhadap pendekatan dan metodologi yang digunakan. Sampel-sampel tersebut adalah seperti berikut:

- Sunnah di zaman Nabi SAW ialah tradisi atau pandangan yang baik, berteraskan akal yang adil pada pandangan masyarakat. Ia selari dengan al-Quran dan bebas daripada kekangan teks seperti hadis. Pendokumentasian hadis oleh ulama membawa kepada “proses pentradisional pemikiran Islam dan penghadisan sunnah”. Ia mengakibatkan penyelewengan konsep sunnah yang asal hingga menyebabkan kesemua sunnah perlu diamalkan termasuk yang remeh-temeh dan tidak penting seperti memanjangkan janggut, merejam pezina dan sebagainya (Duderija, 2011).
- Berpegang kepada hadis adalah salah satu usaha reduksi (*reductionism*) yang bertentangan dengan roh, semangat dan prinsip (*maqasid*) al-Quran. Apa yang penting ialah mengambil kira prinsip, roh dan tujuan (*maqasid*) etika-moral dan bukannya maksud zahir teks tersebut. Tujuan atau “*maqasid*” tersebut berlegar sekitar isu keadilan, kesetaraan, kesamarataan jantina, pluralisme agama, kemaslahatan, hikmat, rahmat, hak asasi manusia dan sebagainya. Sebaliknya, ulama tradisional telah merendahkan prinsip wahyu ke tahap teks (skripturalisme) iaitu pemahaman secara harfiah dan menghadkan fungsi al-Quran sebagai buku perundangan, hukum dan ritual sahaja. Oleh sebab itulah, hukuman bunuh bagi orang yang murtad ditolak walaupun ia termaktub dalam hadis Nabi disebabkan pertentangannya dengan *maqasid* al-Quran (Duderija, 2013; Edward dan Mohd Yakub @ Zulkifli, 2014).
- Hadis adalah laporan khabar-khabar angin (*hearsay*) yang dikumpulkan oleh para ulama yang prejudis dan berorientasikan

motif politik beberapa abad selepas kewafatan Nabi SAW. Ia mengandungi norma budaya dan amalan kabilah Arab kuno yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat yang kemudiannya dijadikan sumber kedua terpenting selepas al-Quran lalu menyelewengkan mesej sebenar al-Quran. Ayat-ayat al-Quran sendiri (ayat 114 surah al-An'am, ayat 3 surah al-A'raf, ayat 31 surah al-Taubah, ayat 110 surah al-Kahf, ayat 21 surah al-Shura dan ayat 5 surah al-Bayyinah) mengatakan bahawa kebenaran hanya datang daripada Tuhan (*God*) sahaja yang merupakan satu-satunya sumber yang sah untuk menerangkan Islam. Oleh yang demikian, mana-mana individu termasuk para nabi dan rasul tiada nilai kebenaran (*truth-value*) kerana mereka adalah manusia biasa. Pemahaman mereka terhadap kalam Tuhan tidak memberikan mereka autoriti dalam menerangkan Islam kerana ia merupakan sistem kepercayaan yang direka khusus oleh Tuhan (Yuksel, al-Shaiban & Schulte-Nafeh, 2011: 11-13).

- Selain itu, David Vishanoff; pengarang karya berjudul *The Formation of Islamic Hermeneutics: How Sunni Legal Theorists Imagined a Revealed Law* berpandangan bahawa metode pentafsiran teks yang dibangunkan oleh al-Shafi'i adalah untuk mengharmonikan percanggahan antara Quran dan hadis. Ini kerana, beliau beranggapan bahawa hadis tidak lain hanyalah kepalsuan yang direka oleh para *fuqaha* dan dinisbahkan kepada Nabi SAW (El Shamsy, 2014). Walaupun bukan seorang Muslim, namun ideanya memberikan impak yang besar kepada umat Islam di rantau ini. Ini kerana, beliau pernah mengajar subjek *Quranic Hermeneutics* di peringkat pasca siswazah di UIN Sunan Kalijaga pada tahun 2013. Analisis dan kritikan secara rasional dan logik ke atas ulama Islam silam seperti al-Shafi'i, al-Juwayni dan sebagainya dilakukan berdasarkan perspektif *hermeneutics*, humanisme, dan skeptisisme. Ia menjurus kepada pengembangan pemikiran dan sikapnya yang ingin merombak semula dasar dan prinsip Islam yang merangkumi tafsiran al-Quran, penerimaan hadis, pandangan akidah dan formulasi hukum *fiqh* secara keseluruhannya.

#### **4. Kesimpulan dan Cadangan: Kaedah Menangani GAH Secara Rasional**

Sebenarnya, bukanlah mudah untuk menangani dan menjawab segala persoalan dan dakwaan yang ditimbulkan oleh GAH dan mereka yang seangkatan dengannya. Idea dan dakwaan yang ditimbulkan oleh seseorang individu misalnya bukanlah lazimnya merupakan idea aslinya. Bahkan ia sering dipinjam dan diadaptasikan daripada para Orientalis dan pemikir Muslim yang sealiran dengan mereka seperti telah dibincangkan.

Lebih merumitkan lagi keadaan ialah wasilah penyebaran idea tersebut mengambil bentuk penulisan akademik yang sarat dengan ideologi dan objektif yang tersembunyi. Ia berselindung di sebalik isu-isu kemanusiaan dan semasa seperti kebebasan, keadilan dan sebagainya. Oleh itu, ia memerlukan penelitian dan pertimbangan yang mendalam dan sewajarnya untuk diberikan rumusan dan tindakan lanjut.

Justeru, langkah pertama yang perlu diambil dalam usaha menangani penghujahan GAH ialah dengan menggembelng tenaga para ilmuwan yang bukan sahaja mahir dan faham akan pelbagai aspek pemikiran Islam. Bahkan mereka yang turut mempunyai pengetahuan dalam pelbagai aspek ilmu, ideologi dan metodologi yang mendasari kerangka pemikiran dan epistemologi Barat. Walaupun mungkin terdapat segelintir individu yang menepati ciri yang dinyatakan ini, usaha secara kolektif yang menggembelng tenaga dan kepakaran dalam pelbagai bidang dan dari pelbagai perspektif adalah lebih mapan dan lestari dalam jangka masa yang panjang.

Idealnya usaha ini didukung dan dinaungi oleh sebuah badan atau institusi sama ada akademik, agama atau sosial yang memusatkan aktiviti pemantauan dan penyelarasan gerak kerja bagi mengoptimumkan kepakaran dan tenaga yang ada. Pada masa yang sama, tugas menyediakan generasi pelapis yang akan menggalas amanah mempertahankan Quran dan Sunnah Nabi SAW perlu dilaksanakan oleh pelbagai institusi pengajian tinggi Islam yang ada di negara ini.

Dari aspek kaedah dan tatacara untuk menangani penghujahan rasional daripada GAH, ia sebenarnya bergantung kepada jenis penghujahan dan isu yang dibincangkan. Walau bagaimanapun, beberapa garis panduan umum dapat dicadangkan seperti berikut:

- Mencari titik persamaan dalam berhujah. Penghujahan secara rasional oleh GAH biasanya didasari oleh paradigma pemikiran Barat tertentu seperti yang telah dibincangkan. Justeru, amatlah wajar untuk mencari titik kelemahan dan kepincangan hujah yang dikemukakan menerusi paradigma dan aliran pemikiran yang mereka gunakan sendiri. Ini kerana, tiada satu pun metode dan pendekatan kajian yang ada pada hari ini yang sempurna. Bahkan setiap satunya mempunyai kelebihan dan kekurangan yang boleh disanggah dan dipertikaikan menurut perspektif yang berbeza.
- Menyemak semula petikan dan bukti-bukti yang dikemukakan oleh pengkaji GAH daripada sumber asalnya dan meneliti maksud teks dan konteks tersebut secara saksama. Ini kerana, ramai daripada pengkaji tersebut bersikap selektif dalam memetik dan memilih teks yang diperlukan sahaja serta mengabaikan teks lain yang tidak memihak kepada pandangannya.
- Demikian juga, kadangkala berlaku kesilapan sama ada yang disengajakan atau tidak dalam menterjemahkan dan memahami istilah tertentu dalam bahasa Arab. Hal ini berlaku disebabkan latar belakang GAH yang kebanyakannya tidak mahir berbahasa Arab, tidak berpengetahuan luas dalam tradisi keilmuan Islam dan hanya menggunakan terjemahan atau rujukan yang sekunder sahaja. Justeru, semakan mengenai aspek ini penting dilakukan untuk mengenal pasti kepincangan yang berlaku.
- Lazimnya pengkaji GAH memulakan pengkajian mereka berdasarkan idea dan persepsi yang sudah pun tergambar dalam benak mereka (*preconceived ideas*). Justeru, sebarang usaha mereka untuk membuktikan hipotesis tersebut adalah subjektif, berat sebelah dan bermotifkan sesuatu tujuan dan bukannya bebas nilai. Justeru, dakwaan mereka yang menyerang personaliti ulama Islam

tradisional sebagai prejudis, menindas wanita, bermotifkan politik dan sebagainya tertolak. Ini kerana falasi dalam penghujahan mereka menjurus kepada serangan peribadi (*argumentum ad hominem*). Sedangkan mereka sendiri pun sarat dengan kepentingan peribadi. Sebaliknya, sumber biografi dan sejarah Islam secara umumnya menzahirkan ketinggian peribadi dan etika para Sahabat, Tabiin dan ulama Ahl al-Sunnah wal Jamaah yang muktabar. Ini menolak penghinaan yang dilontarkan oleh GAH.

- Menggunakan penghujahan logik “akal yang sejahtera” sebagaimana yang diiktiraf dalam kerangka pemikiran Islam dalam penghujahan. Sebagai contoh, dakwaan bahawa korpus hadis yang ada pada hari ini adalah rekaan dan ciptaan para ulama semata-mata adalah tertolak sendirinya mengikut hujah rasional dan logik akal yang dicanangkan oleh GAH.

Ini kerana, sekiranya kesemua hadis tersebut adalah palsu, mengapa para ulama yang terdiri daripada pelbagai bangsa, tempat dan latar belakang yang merentasi ribuan tahun berusaha bertungkus-lumus untuk membina kaedah *mustalah al-hadith* dalam usaha mengenal pasti kesahihan hadis dan menghabiskan usia mereka menuntut hadis dan mengumpulkan biografi para perawi? Demikian juga, mengapa perlu mereka membincangkan secara panjang lebar metode pentarjihan untuk mengharmonikan antara nas hadis yang kelihatannya bercanggah? Bukankah lebih mudah bagi mereka untuk mengubah suai sahaja kandungan hadis tersebut untuk lebih selari dengan kehendak mereka?

Bahkan adalah tidak masuk akal untuk mengandaikan puluhan ribu ulama Islam bersekongkol dalam hal yang besar seumpama ini tanpa sebarang bantahan sedangkan mereka terkenal dengan kewarakan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, kesemua ini secara rasionalnya menunjukkan bahawa hadis bukanlah ciptaan para ulama sebaliknya bersumberkan daripada Nabi SAW. Para ulama yang memahami kedudukan dan peranan hadis hanya berusaha dalam kapasiti mereka untuk menerima hanya hadis yang menepati kriteria penerimaan sahaja dan berusaha untuk memahami maksudnya untuk keperluan kehidupan mereka.

- Pentingnya menegaskan betapa perlunya berpegang pada metode dan prinsip keilmuan Islam dalam mentafsirkan aspek-aspek agama. Mana-mana percubaan untuk mengaplikasikan pendekatan sains sosial atau falsafah yang tidak selari dengan pandangan alam Islam sudah tentu akan merosakkan sistem pemikiran Islam itu sendiri lantaran percanggahan dan perbezaan yang wujud antara keduanya. Sama halnya dengan ilmu-ilmu moden lain seperti perubatan, perundangan, ekonomi dan sebagainya yang perlu dipelajari mengikut kaedah dan prinsipnya yang tersendiri. Demikian jugalah bidang-bidang agama Islam perlu mengambil kira metode dan prinsip yang diguna pakai sejak sekian lama. Justeru, memaksakan penggunaan teori dan hipotesis yang berbentuk andaian dan skeptikal ke atas tradisi keilmuan Islam atas nama hak asasi manusia dan sebagainya adalah satu bentuk falasi. Ia menzahirkan kepincangan penghujahan terutamanya yang bertentangan dengan objektif dan kerangka pemikiran Islam.

Seyogia diingatkan bersama bahawa dalam mengharungi tuntutan dunia akademik pada hari ini, ramai dari kalangan sarjana di institusi pengajian tinggi terpikat untuk memadukan antara pengajian Islam yang tradisional dengan bidang sains sosial dan bidang ilmu moden lain. Perkara ini sememangnya perlu dan boleh dilakukan bagi memastikan pengajian Islam mampu untuk menjawab pelbagai permasalahan dalam masyarakat. Namun, harus diingat bahawa bidang ilmu dari Barat adalah sarat dengan nilai, teori dan metode yang tidak semuanya selari dengan pandangan alam Islam. Justeru, sewajarnya umat Islam menyedari perkara ini lalu melakukan proses penelitian dan semakan secara berhati-hati. Mereka perlu mengelakkan daripada mengambil kesemuanya secara semberono kerana ditakuti akan memberikan implikasi kepada pemahaman manusia terhadap agama yang tercinta ini.

### Rujukan

- 1) Al-Albani, Nasir al-Din. (1988). *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- 2) Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- 3) Al-Ghazzali, Abu Hamid. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 4) al-Isfahani, al-Husayn ibn Mufaddal. (t.th.). *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- 5) Daud bin Abdullah al-Fatani. (t.th.). *al-Durr al-Thamin Pada Menyatakan Iktikad Segala Orang Yang Mukminin*. Patani: Ben Halabi Press.
- 6) Duderija, Adis. (2011). Neo-Traditional Salafi Quran-Sunna Hermeneutics and Its Interpretational Implications. *Religion Compass*, 5(7), 314-325.
- 7) Duderija, Adis. (2012). Evolution in the Concept of Sunnah during the first Four Generations of Muslims in Relation to the Development of the Concept of an Authentic Hadith as based on Recent Western Scholarship. *Arab Law Quarterly*, 26, 393-437.
- 8) Duderija, Adis. (2013). Critical Progressive Muslim Thought: Reflections on Its Political Ramifications. *The Review of Faith and International Affairs*, 11(3), 69-79.
- 9) Edward Maofur & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2014). Pengaruh Liberalisme terhadap Kajian al-Quran di Indonesia. *Jurnal Usuluddin*, 40, 1-25.
- 10) El Shamsy, Ahmad. (2014). Review of Vishanoff's The Formation of Islamic Hermeneutics. *Journal of the American Oriental Society*, 134(1), 168-171.
- 11) Harussani Zakaria. (2014). Penyelewengan Anti Hadis. *Kertas Kerja Wacana Pengukuhan Nilai-nilai Islam*. Putrajaya: Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, 25 April, 1-17.
- 12) *Oxford Dictionaries*. (2016). <http://www.oxforddictionaries.com/ms/definisi/learner/rational> (Tarikh dicapai 3 Februari).
- 13) Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Kamil Abd Majid, Ruzman Mohd Nor & Nor Hayati M. Dahlal. (2011). Pengaruh Orientalism dalam Gerakan Anti Hadis di Malaysia: Analisis Kritikal. Dalam Fauzi Deraman dll. (Peny.), *Summah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa* (hal. 69-89). Kuala Lumpur: Jab. Al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya.
- 14) Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- 15) Yuksel, Edip, Layth Saleh al-Shaiban & Martha Schulte-Nafeh. (2011). *Quran: A Reformist Translation*. USA:Brainbow Press.

///